

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
SELASA, 11 MAC 2025**

PJL09/01/2025

1

No. Soalan: PL100

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 11.03.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian Kesihatan akan mempertimbangkan pelaksanaan sistem pelabelan minuman wajib seperti Nutri-Grade bagi menunjukkan tahap gula dengan jelas dan menggalakkan pilihan pengguna yang lebih sihat, memandangkan diabetes merupakan punca kematian ke-4 di Negara Brunei Darussalam dan penggunaan minuman bergula semakin meningkat.

JAWAPAN:

[Telah dijawab melalui Kenyataan Menteri pada 08.03.2025]

No. Soalan: PL108

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

TARIKH : 11.03.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk memastikan para guru-guru sentiasa mendapat maklumat mengenai industri baharu dan boleh mengintegrasikan pengetahuan ini dalam pengajaran mereka. Adakah terdapat program berstruktur atau kerjasama dengan pakar industri bagi meningkatkan pemahaman pendidik tentang keperluan tenaga kerja masa depan.

JAWAPAN:

[Telah dijawab melalui Kenyataan Menteri pada 08.03.2025]

No. Soalan: PL123

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**

TARIKH : 11.03.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan jika pihak Kementerian membuat sebarang perancangan untuk membuat satu skim pembayaran balik yang lebih mudah bagi mereka yang baru mendapat perumahan (RPN) terutamanya dikalangan mereka yang akan mencecah usia 55 ke 60 tahun?

JAWAPAN:

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Allahumma Salli Ala Sayyidina Muhammad Wa'Ala Alihi Wasahbihi Wassalam.

- Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin yang telah mengemukakan soalan berhubung sama ada pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan skim pembayaran balik pinjaman perumahan yang lebih mudah bagi penerima rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN), khususnya mereka yang baru menerima rumah pada usia 55 hingga 60 tahun.
- Sebelum pemohon diberikan rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan akan terlebih dahulu meneliti kemampuan pemohon tersebut untuk membayar balik pinjaman perumahan yang bakal ditanggung.
- Jika hasil penelitian mendapati pemohon tidak mampu melunaskan bayaran balik pinjaman, Jabatan Kemajuan Perumahan akan menyarankan agar pemohon tersebut mendapatkan seorang penanggung bayaran bersama daripada kalangan anak atau ahli keluarga terdekat. Perkara ini merupakan tambahan kepada keperluan biasa untuk menyediakan dua orang penjamin bagi pinjaman perumahan berkenaan. Dalam situasi di mana kadar bayaran bulanan pinjaman perumahan masih dirasakan tinggi, jumlah ansuran tersebut

boleh dikurangkan melalui bayaran tambahan (top-up) oleh pemohon. Pembayaran tambahan ini boleh dibuat sama ada dengan menggunakan simpanan di bawah Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang dikhususkan untuk perumahan, ataupun melalui simpanan Skim Tabungan Perumahan. Skim ini adalah program simpanan khas yang dikendalikan oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP) untuk membantu individu menabung khusus bagi keperluan perumahan. Menerusi skim ini, pemohon boleh mengumpul dana yang kemudiannya boleh digunakan bagi pembayaran pendahuluan rumah atau untuk mengurangkan baki pinjaman perumahan, sekali gus merendahkan ansuran bulanan yang perlu dibayar.

- Di samping itu, Jabatan Kemajuan Perumahan turut membenarkan pemohon memanfaatkan simpanan di bawah Skim Persaraan Kebangsaan milik ahli keluarga terdekat (seperti pasangan atau anak) untuk tujuan membantu pembayaran balik pinjaman perumahan berkenaan.
- Bagi pemohon Rancangan Perumahan Negara yang berpendapatan rendah pula, Kementerian menggalakkan mereka menyertai Skim Tabungan Perumahan di bawah kelolaan TAP ini untuk meningkatkan kemampuan kewangan ke arah pemilikan rumah sendiri. Melalui penyertaan dalam skim ini, pemohon dapat membina tabungan yang boleh digunakan kelak bagi meringankan bayaran pendahuluan atau ansuran pinjaman perumahan mereka. Penyertaan dalam Skim Tabungan Perumahan tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh pihak TAP.
- Demikianlah yang dapat Kaola terangkan secara ringkas mengenai dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa tersebut. Terima kasih.

No. Soalan: PL71

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB

TARIKH : 11.03.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan perancangan dan usaha Kementerian bagi memperluaskan penggunaan sistem *cashless* di Negara Brunei Darussalam.

JAWAPAN:

[Telah dijawab sebahagian daripada Kenyataan Belanjawan pada 01 Mac 2025]